

PENGAJARAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEDUA BERDASARKAN PENDEKATAN NATURAL DAN DEDUKTIF

Syed Jamal Abdul Nasir Bin Syed Mohamad

ABSTRAK

Artikel ini cuba mendedahkan bagaimana mengaplikasikan pendekatan natural dan pendekatan deduktif dalam mengajar bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Pendekatan natural ialah satu pendekatan yang membentuk suasana pembelajaran yang seakan-akan sama seperti seseorang itu belajar bahasa pertama. Manakala pendekatan deduktif pula ialah pendekatan pengajaran yang berasaskan daripada peraturan-praturan generalisasi kepada contoh khusus, dan seterusnya beralih kepada kesimpulan, atau penggunaan generalisasi tersebut. Daripada penyelidikan ini, didapati pendekatan natural dan deduktif boleh menyumbang hasil yang berkesan kepada pengajar-pengajar bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Segala prosedur diterangkan dengan terperinci bagi memudahkan pembaca mengaplikasikan pendekatan ini.

PENDAHULUAN

"Fundamentally, language is man's unique accomplishment. More than vehicle of communication and speech; it makes possible the keeping records and the creation of a store of knowledge; it is the basis of all creative thought. Without language there would be no progress, no civilization, no culture. The cultural heritage of mankind resides in language."

(Huebener 1969:1)

Berdasarkan kenyataan Huebener ini, kita dapat mengetahui betapa dominannya peranan bahasa dalam

kehidupan manusia sejangat seharian. Oleh yang demikian tidak hairanlah masyarakat dunia hari ini berlumba-lumba mempelajari bahasa semata-mata untuk mencapai objektif nasional mahupun instrumental. Dalam hal ini bahasa kedua telah menjadi salah satu bahasa yang dipelajari untuk mencapai matlamat tersebut. Ia dipelajari secara formal mahupun informal.

Dalam konteks negara kita, bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar bagi semua institusi pendidikan awam bermula secara beransur-ansur sejak pengistiharan Penyata Razak hingga ke hari ini (Raja Mukhtaruddin 1982). Dalam hal ini semua kaum di negara ini wajib mengetahui bahasa Melayu. Bahasa Melayu telah menjadi bahasa kedua bagi bukan penutur natif bahasa Melayu seperti kaum Cina, India dan kaum yang lain.

Sehubungan dengan ini, pihak Kementerian Pendidikan terpaksa menggubal kurikulum bahasa Melayu yang akan memastikan semua kaum di negara ini boleh menggunakan bahasa Melayu dengan baik di samping memperkaya pengetahuan bahasa Melayu bagi penutur natif. Bahagian latihan guru serta institusi lain yang mengendalikan program pendidikan bertungkus lumus melatih bakal-bakal guru dengan pelbagai pendekatan bagi mendidik pelajar-pelajar agar mereka dapat menggunakan bahasa Melayu dalam persekolahan mereka. Antara pendekatan yang diajar ialah pendekatan natural dan deduktif.

Pendekatan ataupun "approach" dalam bahasa Inggerisnya adalah bermaksud,

1. To come near or nearer
2. To come close to in appearance; approximate
3. A way of reaching; an access

(Peter Davies 1977:35)

Dalam konteks pengajaran bahasa pula, Richards (1985:18) mengatakan;

"Approach encompasses both theories of language and language learning".

Juriah Long pula 1990:43 mendefinisikan pendekatan sebagai;

"Pendekatan pengajaran bahasa merupakan orientasi atau pegangan ilmu linguistik dan psikologi yang dapat digunakan oleh seseorang guru bagi menyelesaikan masalah pengajaran

bahasa khususnya masalah apa yang hendak diajar dan bagaimana cara mengajar bahasa."

Menurut Kamarudin Hj Husin pula (1995:76), pendekatan bermaksud, satu kumpulan andaian yang saling berkaitan tentang hakikat bahasa, hakikat pengajaran bahasa dan hakikat pembelajaran bahasa. Setiap pendekatan itu harus mencerminkan satu pandangan (falsafah) tentang hakikat bahasa, iaitu apakah sebenarnya bahasa itu, bagaimana ia dikuasai dan diperolehi, bagaimana pula ia dilahirkan dan difahami serta di manakah ia disimpan.

Selain itu, pendekatan harus juga mencerminkan satu teori bahasa (teori linguistik), atau satu teori pengajaran dan pembelajaran bahasa. Sebagai contoh dalam satu teori pembelajaran, Gestalt menerangkan bahawa kita mempelajari situasi secara keseluruhan dan kemudian mempelajari elemen-elemen situasi itu. Jika kita menerima ini sebagai satu teori pembelajaran, maka kita boleh jadikan ia sebagai satu pendekatan dalam pengajaran. Hal ini bermakna sesuatu pengajaran itu harus dimulakan dengan cara mengamati keseluruhan dan kemudian kepada bahagian-bahagiannya.

Bahasa kedua pula ialah,

"Bahasa kedua ialah bahasa yang kedua dipelajari oleh seseorang itu di samping bahasa kandung yang dia perolehi. Bahasa kedua ini adalah bahasa asing yang dipelajari untuk tujuan-tujuan tertentu."

Kamarudin Hj Husin 1995:269

Pendekatan natural ialah,

"An approach to language teaching that constantly recurs through centuries is the attempt to achieve a language-learning situation which resembles as closely as possible the way children learn their first language."

Rivers 1980:52

Pendekatan ini berasaskan mazhab naturalisme dalam pendidikan yang diasaskan oleh Jean Jacques Rousseau dalam abad ke 18 (Gutek 1988)

Pendekatan deduktif pula ialah,

"Kaedah pengajaran yang beralih daripada peraturan-peraturan, generalisasi kepada contoh khusus, dan seterusnya beralih kepada kesimpulan, atau penggunaan generalisasi tersebut"

(Sharifah Alwiah 1985: 162)

Pendekatan Pengajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua.

Berdasarkan Pendekatan Natural.

Pendekatan natural telah dipelopori oleh seorang guru bahasa Sepanyol di California iaitu Tracy Terrell pada tahun 1977. Pendekatan ini diutarakan berdasarkan pengalaman beliau yang mengajar bahasa Sepanyol di Amerika. Beliau telah menjalankan banyak eksperimen bersama Krashen seorang ahli linguistik gunaan di University of Southern California tentang teori ini dan akhirnya telah menerbitkan sebuah buku yang menggariskan prinsip-prinsip dan praktis pendekatan natural. Krashen dan Terrell menganggap pendekatan natural sebagai pendekatan tradisi bagi pengajaran bahasa yang berdasarkan penggunaan bahasa dalam komunikasi tanpa merujuk kepada perincian tatabahasa, latih-tubi tatabahasa ataupun kepada teori-teori tertentu tatabahasa. (Kamarudin Hj Husin 1995:234). Pendekatan Natural adalah sama dengan pendekatan komunikatif yang diperkenalkan pada masa kini.

Mereka menolak kaedah audiolingual yang melihat tatabahasa sebagai komponen pusat bagi bahasa. Krashen dan Terrell memberi perhatian utama kepada makna dalam menghuraikan jenis bahasa. Kosakata diberi perhatian lebih. Bahasa dianggap sebagai wahana menghubungkan semantik dan mesej dalam bahasa sasaran yang dipelajari itu.

Tujuan Pendekatan Natural

Pada amnya pendekatan natural adalah untuk pelajar baru dan dibuat untuk menolong mereka mencapai peringkat pertengahan. Ia menjangkakan bahawa para pelajar akan berperanan semaksimumnya dalam situasi sasaran. Mereka akan memahami penutur bahasa sasaran, dan boleh menyampaikan secara sopan sebarang idea dan permintaan.

Pendekatan Natural juga dirangka untuk membina kemahiran asas komunikasi iaitu lisan dan tulisan (Kamarudin Hj. Husin 1995:239), pendekatan ini sangat mementingkan aktiviti komunikasi dalam pengajaran dan pembelajarannya. Para pelajar akan dapat menguasai bahasa kedua secara natural.

Prosedur pelaksanaan pendekatan natural dalam pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

a. Situasi pembelajaran dan sikap guru

Menurut Rivers (1981), pendekatan ini dilaksanakan dalam suasana yang informal di mana para pelajar berkomunikasi dengan guru dan melalui proses komunikasi mereka mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Untuk menjayakan pengajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dengan menggunakan pendekatan ini, perihalan diri pelajar perlu diambil berat terutamanya dari aspek psikologinya.

Perhubungan yang erat antara guru dan pelajar serta pelajar sesama pelajar sambil memupuk sikap saling percaya mempercayai adalah menjadi kunci bagi pendekatan ini. Oleh kerana pelajar tidak diajar secara eksplisit tetapi melalui pengalaman dengan bahasa itu maka ia adalah merupakan perlakuan pendekatan induktif.

Arahan-arahan yang formal perlu semasa mengajar Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mengikut pendekatan natural. Hal ini bermakna pengajaran tidaklah dibiarkan begitu sahaja tanpa sebarang arahan dan panduan.

Aspek pemahaman isi kandungan pelajaran sangatlah diutamakan. Oleh yang demikian tumpuan guru-guru pada peringkat awal pembelajaran adalah kepada perkara-perkara ataupun objek-objek yang terdapat di sekitar dalam bilik darjah dan visual-visual ataupun gambar-gambar yang disediakan oleh guru. Cara ini samalah dengan kaedah terus yang biasa diamalkan oleh guru sebelum ini. (Kamarudin Hj Husin 1995: 240)

b. Pemilihan Isi Kandungan Pelajaran

Pada amnya pemilihan isi pelajaran tidaklah merupakan masalah yang besar dalam pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua berdasarkan pendekatan natural. Hal ini kerana pemilihan isinya luas dan tidak terbatas kepada sesuatu bidang atau disiplin sahaja.

Perkara yang perlu dipertimbangkan ialah isi yang dipilih memungkinkan pelajar melalui proses pengutipan bunyi dan maksud. Umumnya isi-isi yang dipilih dapat mewujudkan situasi bersahaja seperti perbualan dengan ayah, berjumpa kawan, membeli barang di kedai, bertemu guru dan sebagainya.

Kesimpulannya, pemilihan isi mengikut pendekatan ini ialah berdasarkan sumber dan maklumat biasa dialami oleh para pelajar yang akan mewujudkan proses komunikasi dan pelajar memperoleh bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam keadaan natural.

c. Prosedur Pengajaran dan Pembelajaran

Pada peringkat awal, pembelajaran seharusnya dijalankan dalam keadaan tenang dan terkawal. Pelajar-pelajar mestilah dipastikan dalam keadaan bersedia menerima pelajaran bagi mengelakkan tekanan terhadap mereka. Apabila pelajar-pelajar sudah bersedia guru bolehlah memulakan pengajaran dengan mengemukakan arahan dan diikuti dengan soalan-soalan mudah untuk mendapatkan respon awal daripada para pelajar. Soalan-soalan yang dikemukakan hendaklah yang merangsang pelajar dan memberi mereka peluang menggunakan ungkapan yang sudah biasa digunakan oleh mereka dalam bahasa Melayu.

Suara dan percakapan guru mestilah jelas dan mudah difahami oleh pelajar. Guru merupakan model terbaik bagi pelajar. Oleh itu guru seharusnya berbahasa dengan bahasa Melayu yang baik supaya dapat dijadikan teladan oleh pelajar.

Krashen dan Terrell telah menyarankan beberapa teknik dalam menggunakan pendekatan natural yang boleh digunakan dalam pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Walau bagaimanapun, ia bukanlah teknik-teknik yang baru tetapi merupakan teknik-teknik pengajaran yang diambil daripada beberapa kaedah pengajaran lain yang disesuaikan dengan pendekatan ini. Ia termasuklah daripada teori pendekatan 'Total Physical Response' (TPR) iaitu pendekatan yang mementingkan tindak balas fizikal secara total. Ia juga berdasarkan kaedah terus yang menggunakan anggota badan dan pergerakan, termasuklah mimik muka, isyarat tangan dan konteks fizikal sewaktu bertanya, bertutur atau berkomunikasi dengan orang lain. (Kamarudin Hj Husin 1995 : 241)

Aktiviti secara kumpulan sangat dipentingkan untuk membolehkan para pelajar berhubung di antara satu sama lain yang akan mempercekapkan kemahiran berbahasa bahasa Melayu.

d. Peranan Guru Dalam Pengajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua.

Pada umumnya guru memainkan tiga peranan penting iaitu :-

1. Sumber utama yang membantu pelajar memperoleh bahan berbahasa dalam bahasa Melayu. Waktu belajar ditumpukan kepada usaha memasukkan input bahasa. Guru adalah mekanisma yang berfungsi menyerapkan input tersebut. Guru juga membantu pelajar membuat interpretasi terhadap input bahasa yang ditujukan kepada mereka.
2. Mewujudkan situasi persekitaran pembelajaran yang baik. Suasana yang diwujudkan membuat para pelajar berasa selesa dan bahan pelajaran yang diajar menarik minat pelajar. Kesediaan pelajar menerima pelajaran sangat diambil kira.
3. Guru memilih dan mencorak satu pembelajaran yang terdapat pelbagai aktiviti bilik darjah yang melibatkan semua saiz kumpulan dan konteks.

e. Peranan Pelajar Dalam Pengajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua.

Peranan pelajar adalah tidak tetap di mana ia mengikut tahap perkembangan mereka.

1. Tahap pratutur, pelajar hanyalah memberi tindak balas kepada sesuatu arahan, soalan atau percakapan tanpa perlu bercakap. Melalui tindakbalas ini dapat diketahui sama ada mereka memahami arahan atau soalan yang diajukan kepada mereka.
2. Tahap pertuturan awal, pelajar mula disuruh menjawab soalan-soalan yang diajukan dengan hanya sepatah perkataan atau frasa yang mudah ataupun memenuhi tempat-tempat kosong dengan perkataan yang sesuai pada carta-carta. Aktiviti seperti memberi respon kepada pertuturan yang biasa didengar oleh pelajar misalnya, 'Awak dari mana?', 'Di mana rumah awak?' dan sebagainya. Pada peringkat ini pelajar-pelajar mula bertutur dengan menggunakan perkataan yang mudah seperti mereka mula bertutur dahulu.

3. Tahap tinggi (tahap melahirkan ucapan), iaitu para pelajar melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti yang akan meningkatkan kemahiran berbahasa mereka. Antara aktiviti seperti aktiviti main peranan, berkumpulan, bercerita, simulasi dan sebagainya

f. Peranan Material Pengajaran

Dalam pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua berdasarkan pendekatan natural ini penggunaan material pengajaran sangat penting bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik serta dapat merangsang pelajar untuk bertindak balas terhadap pengajaran yang diberikan. Material pengajaran seperti alat audio visual serta alat-alat konvensional yang lain seperti gambar, kad dan sebagainya boleh digunakan.

Dengan adanya penggunaan alat ini akan memberi input bahasa yang sangat berguna seperti kosa kata serta mendedahkan pelajar kepada kehidupan yang sebenar melalui bahan-bahan yang memang benar-benar wujud dalam kehidupan mereka.

g. Kelebihan Pendekatan Natural Dalam Pengajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua.

- i. Proses pengajaran dilakukan secara natural;
- ii. Pelajar tidak berasa tertekan dalam proses pembelajaran;
- iii. Pemilihan isi pelajaran yang mudah;
- iv. Sesuai untuk pengajaran bahasa kedua; dan
- v. Pengajaran mudah dikelola

h. Kelemahan Pendekatan Natural Dalam Pengajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua.

- i. Kejayaan pelajar banyak bergantung kepada kreativiti guru, dan
- ii. Pelajar tidak mendapat latihan yang secukupnya seperti latihan tubi.

Berdasarkan Pendekatan Deduktif

Pendekatan Deduktif adalah berdasarkan penaaakulan deduktif.

"Deductive reasoning is a thinking process which moves from the general to the specific" A common form of deductive reasoning is the syllogism, which

can be defined as an argument containing two statements or propositions, called premises and a conclusion. The most famous example of the syllogism is:

Major Premise: All men is a mortal

Minor Premise: Socrates is a man

Conclusion : Therefore, Socrates is a mortal

Eggen 1979:106

Daripada asas penaakulan di atas ia diaplikasikan dalam pedagogi yang mewujudkan pendekatan deduktif.

"Pendekatan pengajaran ini mengutamakan penguasaan undang-undang ataupun peraturan-peraturan bahasa daripada penggunaan bahasa. Guru-guru yang menggunakan pendekatan ini biasanya memulakan pengajaran bahasa mereka dengan huraian undang-undang bahasa yang hendak diajar sebelum memberi contoh-contoh penggunaannya."

Juriah Long 1990:44

Pendekatan deduktif terdapat beberapa konsep.
Kamarudin Hj Husin (1995: 194)

telah menggariskan beberapa konsep penaekatan ini iaitu:-

- i. Mempelajari sesuatu berdasarkan sesuatu hukum;
- ii. Ia adalah satu proses penaakulan. Kaedah ini bertujuan untuk mendapatkan fakta atau contoh-contoh tertentu daripada peraturan-peraturan umum;
- iii. Satu produksi fakta untuk membuktikan satu pernyataan umum;
- iv. Menganalisis fakta atau isi yang membentuk generalisasi; dan
- v. Membuat satu pencerakinan daripada yang umum kepada yang khusus.

Prinsip-Prinsip Penggunaan Pendekatan Deduktif Dalam Pengajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua.

Kamarudin Hj Husin 1995:79 juga telah menggariskan beberapa prinsip penggunaan pendekatan deduktif.

- a. Guru perlu menyediakan struktur isi yang hendak disampaikan. Guru boleh menyusun satu turutan langkah-

langkah penyampaian yang logik bagi memudahkan pemahaman;


- b. Satu strategi penyolaan haruslah diadakan supaya guru dapat menolong murid-murid membentuk konsep-konsep dan seterusnya membuat generalisasi yang dikehendaki;
- c. Kemahiran intelektual yang akan terlibat ialah pembentukan konsep, membuat generalisasi (interpretasi) dan mencubakan generalisasi tersebut;
- d. Guru harus mempelbagaikan aktiviti;
- e. Guru harus menyediakan alat bantu mengajar;
- f. Contoh-contoh yang dipilih mestilah mencukupi serta sesuai;
- g. Contoh tidak semesti datang daripada guru sahaja tetapi harus digalakkan mengemukakannya sendiri; dan
- h. Bantuan dan bimbingan guru diperlukan di sepanjang proses pembelajaran berlaku.

Prosedur Pelaksanaan Pendekatan Deduktif Dalam Pengajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua.


a. Peringkat penyampaian abstrak

Pada peringkat ini melibatkan pemberian definisi konsep atau generalisasi yang ditayangkan melalui lutsinar ataupun ditulis di papan hitam yang dapat dilihat oleh para pelajar. Di sini pelajar akan dapat memahami maksud abstrak tersebut disebalik menghafalnya. Contohnya, guru memberi huraian tentang ayat aktif dalam bahasa Melayu berdasarkan carta berikut:

CARTA 1



CARTA 2



Semasa menyampaikan abstrak kepada para pelajar, guru sepatutnya cuba mengaitkan bahan baru yang hendak diajar itu dengan pelajaran lepas yang dipelajari oleh mereka. Ini untuk memastikan terdapat hubungan struktur kognitif mereka.

b. Peringkat Menerang Istilah-istilah.

Setelah guru menyampaikan abstrak pelajaran, guru seharusnya menerangkan istilah-istilah yang terkandung dalam abstrak tersebut. Misalnya, apa yang dimaksudkan dengan 'aktif', 'transitif', 'kata kerja', dan sebagainya. Semasa menerang, sebaik mungkin ia jadinya benar-benar bermakna kepada pelajar.

"The second step in implementing a General Deductive activity is the clarification of terms within the abstraction."

Eggen 1979:133

Langkah seterusnya semasa membuat penerangan mengenai definisi konsep ialah memastikan samada kriteria yang digunakan untuk mendefinisikan istilah atau konsep itu diketahui oleh pelajar. Guru boleh memeriksa kefahaman pelajar terhadap aspek ini dengan menyuruh pelajar menerangkan makna sesuatu istilah tersebut. Sekira para pelajar dapat memahami istilah-istilah ini, guru perlu mengambil masa menerangkannya semula sebelum beredar ke langkah seterusnya

c. Peringkat memberi ilustrasi atau contoh-contoh.

Bagi memastikan kefahaman pelajar benar-benar kukuh, guru boleh memberi contoh-contoh yang sesuai. Contoh-contoh ini dapat diberi sama ada melalui nota-nota tambahan. Misalnya:-

Subjek	Predikat	
	Kata kerja transitif	Objek
Amrah	menyikat	rambut
Asiah	menyapu	lantai
Rugayah	menjahit	baju

Guru membacakan contoh-contoh ayat di atas, sambil memberikan penjelasan-penjelasan lanjut tentang konstituen-konstituen subjek dan predikat dalam contoh-contoh ayat itu. Misalnya frasa nama yang menjadi subjek dalam ayat-ayat tersebut boleh terdiri daripada satu perkataan, iaitu kata nama atau boleh juga terdiri daripada beberapa perkataan yang membentuk satu frasa nama. Kata kerja pula terdiri daripada kata kerja transitif yang tidak boleh berdiri sendiri tetapi memerlukan penyambut atau objek yang terdiri daripada satu perkataan nama atau beberapa perkataan yang membentuk satu frasa nama.

d. Peringkat pelajar mencuba generalisasi

Peringkat ini pelajar-pelajar akan menggunakan generalisasi yang dipelajari tadi dengan membuat contoh-contoh ayat yang baru. Pelajar akan membuat ayat yang baru berdasarkan contoh-contoh yang dibuat oleh guru. Hal penting untuk memberi mereka peluang untuk mengaitkan bahan pelajaran yang baru dipelajari dengan kehidupan mereka yang sebenar melalui membuat contoh-contoh ayat yang ada hubungan secara langsung dengan kehidupan mereka.


Dengan cara ini akan meningkat kefahaman mereka tentang konsep atau generalisasi tersebut. Sekiranya didapati para pelajar gagal memberi contoh-contoh yang betul maka para guru harus memberi penerangan yang lebih.

e. Peringkat penutup

Dalam peringkat ini, kesimpulan daripada segala isi pelajaran akan dilakukan. Aktiviti-aktiviti tambahan diberi kepada para pelajar sebagai pengukuhan.

Secara keseluruhan proses pengajaran di atas telah disimpulkan oleh Eggen (1979:137) seperti berikut:-

- i. Guru menyampaikan abstrak;
- ii. Istilah-istilah yang terdapat dalam abstrak tersebut dibincangkan serta dijelaskan dengan menggunakan contoh-contoh;
- iii. Ilustrasi tentang contoh-contoh yang boleh dibuat generalisasi ataupun tidak boleh digeneralisasikan akan diterangkan, ataupun contoh-contoh atau bukan contoh bagi sesuatu konsep diterangkan dan dianalisis di dalam kelas; dan
- iv. Para pelajar disuruh menjana contoh-contoh mereka sendiri dan menyampaikannya kepada kelas. Secara gambarajahnya adalah seperti berikut:




Menilai Aktiviti Deduktif dalam Pengajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua.

Eggen (1979:137) mencadangkan guru-guru semasa membuat penilaian terhadap aktiviti-aktiviti yang dijalankan secara deduktif ini dengan:

- i. Memberi para pelajar dengan contoh-contoh tambahan dan meminta mereka mengenal konsep yang telah dipelajari digunakan;
- ii. Meminta para pelajar mengaplikasikan generalisasi; dan
- iii. Meminta pelajar memperbanyakkan contoh-contoh dengan menulis contoh-contoh ayat yang menggunakan generalisasi yang diajar.

Secara gambarajahnya Pendekatan Deduktif ini dapatlah dilakarkan seperti berikut.



Peranan Guru Semasa Mengajar Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua.

- a. Cadangkan aspek bahasa yang mencabar;
- b. Bantu pelajar menganalisa masalah;
- c. Menjadi sumber informasi kepada para pelajar;
- d. Bantu murid memilih tindakan-tindakan;
- e. Memandu, atau mengarahkan murid bergerak daripada prinsip-prinsip yang betul sebelum mereka menggunakannya;
- f. Elakkan daripada memberi jawapan kepada murid. Galakan pelajar menggunakan cara bekerja yang telah diketahui untuk menyelesaikan masalah; dan
- g. Pastikan para pelajar mencari penyelesaian masalah tersebut dan cadangkan bagaimana mereka dapat memastikan jawapan mereka sama ada betul atau salah

Kelebihan Pengajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua Berdasarkan Pendekatan Deduktif

- a. Pendekatan ini mudah untuk menyampaikan isi pelajaran;
- b. Guru tidak perlu membuat banyak persediaan. Ia memudahkan guru
- c. Penerangan yang diberikan oleh guru sangat sesuai untuk pelajar-pelajar bukan penutur natif memahami rumus-rumus bahasa;
- d. Para pelajar dapat membandingkan sistem bahasa ibunda dengan bahasa kedua yang dipelajari;
- e. Para pelajar dapat belajar bahasa itu secara sendiri dengan bantuan guru yang minima; dan
- f. Isi pelajaran dapat disalin dan disemak.

Kelemahan Pengajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua Berdasarkan Pendekatan Deduktif

- a. Para pelajar hanya dapat menulis sahaja. Peluang untuk berlatih bercakap kurang;
- b. Sedikit benar menggunakan bahasa yang dipelajari. Oleh itu mereka tidak dapat berfikir dalam bahasa kedua yang dipelajari; dan
- c. Cara penerangan deduktif bertentangan dengan prinsip-prinsip mengajar iaitu daripada yang nyata kepada yang abstrak.

Kesimpulan

Setelah dibincangkan dengan mendalam bagaimana pendekatan natural dan deduktif diaplikasikan dalam pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, dapatlah dikatakan bahawa pendekatan-pendekatan ini amat sesuai serta praktikal digunakan untuk tujuan pengajaran. Melalui penggunaan pendekatan ini bukan sahaja mewujudkan satu suasana pengajaran dan pembelajaran yang ceria serta menarik minat pelajar mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua tetapi ia juga dapat membuahkan hasil pengajaran yang berkesan dan cepat. Ini secara tidak langsung akan menjamin tercapainya hasrat negara untuk mewujudkan masyarakat yang fasih berbahasa Melayu dalam komunikasi seharian.

Walau bagaimanapun pendekatan yang baik sahaja tidak mencukupi untuk menjamin kejayaan dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, ia juga perlu dorongan intrinsik yang tinggi daripada pihak pelajar. Zulkifley Hamid (1994:77) mengatakan;

"Dua faktor intrinsik yang memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan dan kegagalan pembelajaran bahasa kedua ialah sikap dan motivasi"

Oleh yang demikian persediaan yang rapi daripada pihak guru dengan pelbagai pendekatan yang berkesan di samping faktor dalaman pelajar menjadi titik tolak kejayaan pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

BIBLIOGRAFI

- Bowen Donald J. 1985, *Tesol Techniques And Procedures*, Massachusetts: Newbury House Publisher, Inc.
- Davies Peter 1997, *The American Heritage Dictionary of English Language*, New York:Dell Publishing Co.Inc.
- Dewan Bahasa 1991, *Pengajaran Tatabahasa KBSM: Masalah Dan Pelaksanaan* , Kuala Lumpur:DBP.
- Dewan Bahasa 1994, *Pemelajaran Dan Pemerolehan Bahasa Kedua Oleh Kanak-Kanak Dan Orang Dewasa*, Kuala Lumpur:DBP.
- Eggen Paul D 1979, *Strategies For Teachers*, New Jersey: Prentice-Hall, Inc.
- Gutek Gerald L. 1988, *Philosophical And Ideological Perspectives On Education*, New Yersey: Prentice Hall.
- Huebener Theodore 1969, *How To Teach Learner Pragmatic Persfectives For The Language Teacher*, Massachusetts:Newbury House Publishers, Inc.
- Juriah Long dan rakan 1990, *Perkaedahan Pengajaran Bahasa Malaysia*, Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Kamarudin Hj Husin 1995, *Pedagogi Bahasa*, Petaling jaya: Longman.
- Kamarudin Hj Husin 1995, *KBSM Dan Strategi Pengajaran Bahasa*, Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Kamarudin Hj Husin 1995, *Perkaedahan Mengajar bahasa*, Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- McDonough Steven H. 1981, *Psychology In Foreign Language Teaching*, London: George Allen & Unwin Ltd.
- Richards Jack C. 1985, *The Context of Language Taching*, New York: Cambdridge University Press.
- Sharifah Alwiah Alsagoff 1985, *Ilmu Pendidikan Pedagogi*, Kuala Lumpur: Heinemann Asia.
- Teuku Iskandar 1993, *Kamus Dewan Edisi Baru*, Kuala Lumpur:DBP.
- Zulkifley Hamid 1994, *Pembelajaran Dan Pengajaran Bahasa*, Kuala Lumpur:DBP